



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

APLIKASI MODUL PENGAJARAN TERANCANG BERASASKAN PENDEKATAN DEDUKTIF TERHADAP PENCAPAIAN PERIBAHASA PELAJAR



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

NORMALA BINTI HASAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2013



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

APLIKASI MODUL PENGAJARAN TERANCANG BERASASKAN
PENDEKATAN DEDUKTIF TERHADAP PENCAPAIAN
PERIBAHASA PELAJAR

NORMALA BINTI HASAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH PENDIDIKAN

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2013



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
اوتوريتي قديديقن سلطان ادريس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

UPSI/IPS-3/BO 31
Pind.: 00 m/s: 1/1

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title:

APLIKASI MODUL PENGAJARAN TERANCANG BERASASKAN
PENDEKATAN DEDUKTIF TERHADAP PENCAPAIAN PERIBAHASA
PELAJAR

No. Matrik /Matric's No.:

P2003I00I358

Saya / I:

NORMALA BINTI HASAN

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Doktor Falsafah/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan salinan Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD**.
The Library are not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissertation.
5. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. /
Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

☒**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

Amir Hamidah
PROF. DR. ABDUL HAMID MAHMOOD
Jabatan Bahasa Dan Kesusastraan Melayu
Fakulti Bahasa Dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris

N/A

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 20 APRIL 2013

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.





UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
اربرسيي تديدين سلفن لاريي
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 15 (hari bulan) JANUARI (bulan) 2013

i. Perakuan pelajar :

Saya, NORMALA BINTI HASAN, P20031001358 DAN FBK (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk APLIKASI MODUL PENGAJARAN TERANCANG BERASASKAN PENDEKATAN DEDUKTIF TERHADAP PENCAPAIAN PERIBAHASA PELAJAR

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, PROF. DR. ABDUL HAMID MAHMOOD (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk APLIKASI MODUL PENGAJARAN TERANCANG BERASASKAN PENDEKATAN DEDUKTIF TERHADAP PENCAPAIAN PERIBAHASA PELAJAR .

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah DOKTOR FALSAFAH PENDIDIKAN (BAHASA MELAYU) (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

20/1/13

Tarikh

Tandatangan Penyelia





PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim

Alhamdulillah. Dengan izin dan limpah kurnia-Nya dapat saya sempurnakan tesis yang bertajuk Aplikasi Modul Pengajaran Terancang Berasaskan Pendekatan Deduktif Terhadap Pencapaian Peribahasa Pelajar. Tesis ini telah dihasilkan untuk memenuhi kursus BMP 7999: Tesis (Ph.D).

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berbahagia Profesor Dr. Abdul Hamid Mahmood, Yang Berbahagia Profesor Madya Dr. Hajah Siti Khariah Mohd. Zubir, Yang Berbahagia Profesor Dr. Ramlee Mustapha selaku penyelia yang sentiasa sabar, prihatin dan bersedia memberikan bimbingan kepada saya sehingga penyelidikan tesis ini berjaya saya sempurnakan.

Ucapan terima kasih untuk semua pensyarah Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri Pulau Pinang dan sampel kajian seramai 66 orang yang membenarkan saya untuk menerokai bidang pengajaran terancang dengan gandingan tatabahasa Bahasa Melayu.

Penghargaan khas kepada Allahyarham Haji Hasan Hashim, Allahyarhamah Hajah Char Sheriff, kakanda Hajah Che Som, kakanda Harison, kakanda Foziah dan semua ahli keluarga yang sentiasa memberikan motivasi dari semasa ke semasa demi kejayaan ini.

*Normala Binti Hasan,
15 Januari 2013,
UPSI.*





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk membincangkan tentang “Aplikasi Modul Pengajaran Terancang Berasaskan Pendekatan Deduktif Terhadap Pencapaian Peribahasa Pelajar”. Kajian ini dilakukan terhadap pelajar tingkatan empat di sebuah sekolah di Pulau Pinang. Sejumlah 66 orang pelajar dipilih secara persampelan kebetulan. Tujuan kajian ini dibuat adalah untuk mengenal pasti keberkesanan penggunaan Modul Pengajaran Terancang yang menggunakan peribahasa, mengatasi kekeliruan pelajar-pelajar terhadap kelainan antara peribahasa dengan maksud peribahasa dan untuk melihat kesesuaian Modul Pengajaran Terancang Menggunakan Peribahasa berasaskan Pendekatan Deduktif terhadap pelajar-pelajar tingkatan 4 di sekolah menengah. Data kajian dikumpul dengan menggunakan empat kaedah, iaitu soal selidik, temu bual, pemerhatian dan pustaka. Soal selidik digunakan untuk mendapatkan markah pencapaian untuk ujian kuasi-eksperimen dilakukan dalam Ujian Pra dan Ujian Pasca. Temu bual dilakukan untuk mengenal pasti keberkesanan Modul Pengajaran Terancang terhadap pencapaian pelajar dalam peribahasa. Data pemerhatian untuk melihat pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah dan data pustaka dilakukan untuk memantapkan lagi hasil penulisan. Reka bentuk kajian berdasarkan kajian kuasi-eksperimen yang telah diolah untuk membentuk Kerangka konseptual untuk memperoleh data yang agak tepat berasaskan Ujian Pra dan Ujian Pasca. Hasil pengiraan ujian-t menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian pelajar dalam aspek peribahasa dan menunjukkan keberkesanan Modul Pengajaran Terancang. Implikasi kajian ini terhadap pelajar ialah pelajar-pelajar dapat memahami dan menggunakan peribahasa dengan betul dalam karangan dan menghayati peribahasa sebagai amalan dalam kehidupan seharian. Selain itu, para guru bahasa Melayu boleh merancang dan melaksanakan pengajaran terancang di bilik darjah. Dalam bidang pendidikan, pembinaan modul ini dapat mengatasi kekeliruan para pelajar terhadap kelainan antara peribahasa dengan maksud peribahasa dalam kalangan pelajar pelbagai kaum di Malaysia. Model Pengajaran Terancang Peribahasa merupakan inovasi baharu yang mengetengahkan bahan pengajaran terancang sebagai alat untuk membantu pengajaran. Pelajar sebagai anggota masyarakat dapat menghayati dan mengamalkan nilai-nilai murni, sikap positif, semangat patriotik dan perasaan cinta akan negara sebagai kesinambungan dalam pengajaran dan pembelajaran bermodul ini.





APPLICATION OF PROGRAMMED INSTRUCTION MODULE BASED ON DEDUCTIVE APPROACH OF STUDENT'S ACHIEVEMENT OF PROVERB

ABSTRACT

This study aims to discussion about “Application Programmed Instruction Module Based on Deductive Approach Of Student’s Achievement of Proverb. This study was done for form four students of a secondary school in Penang. A total of 66 students were selected by chance. The purposes of this study are to identify the effective use of this Programmed Instruction Module which use proverb to overcome the confusion of students towards the differences between proverb and the meaning of proverb and to observe the suitability of Programmed Instruction Module based on Deductive Approach towards students in secondary school. Data was collected by using four methods: questionnaire, interview, observation and library method. The questionnaire was used to obtain score for Quasi-Experimental test in Pre and Post Test. Interview was carried out to identify the effective use of Programmed Instruction Module towards student’s achievement of proverb. Observation data to observe the implementation of teaching and learning in classroom and data from library was done to enhance this research. The design of this research was based on Quasi-Experimental which has been processed to form conceptual frame to obtain exact data based on the Pre and Post Test. Values obtained from the t-test showed that there are significant differences between the achievement of the student in the aspect of proverb and show the effective use of Programmed Instruction Module. The implications of this study towards the students are the students are able to understand and use proverb in their daily life correctly and appreciate proverb as habitual action. Besides, Malay teachers can plan and perform well in the classroom. In the education field, the building of this module can overcome the confusion of students towards the differences of proverb and the meaning of proverbs among multi-ethnic students in Malaysia. The Programmed Instruction Module is a new innovation which highlighted the programmed teaching resources as teaching aids. Students as part of the community can appreciate and practice the values, positive attitude, patriotism and love towards our country as gained from the teaching and learning module.





KANDUNGAN

Muka Surat

PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI LAMPIRAN	xvi

BAB 1 PENGENALAN



1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.2.1 Kelemahan Pengajaran Konvensional	4
1.2.2 Latar Belakang Pengajaran Terancang	9
1.3 Pernyataan Masalah	15
1.4 Tujuan dan Objektif Kajian	18
1.5 Soalan Kajian	19
1.6 Hipotesis Nol	20
1.7 Kerangka Konseptual Kajian	20
1.8 Kepentingan Kajian	23
1.9 Batasan Kajian	24
1.10 Definisi Operasional	25
1.10.1 Modul	26



1.10.2	Pengajaran Terancang	27
1.10.3	Pendekatan Deduktif	28
1.10.4	Pencapaian	28
1.10.5	Pelajar	29
1.10.6	Peribahasa	29
1.11	Rumusan	32

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	33
2.2	Latar Belakang Peribahasa	34
2.3	Kepentingan Peribahasa dalam Masyarakat Melayu	42
2.4	Pengajaran Terancang	63
2.5	Pendekatan Deduktif dalam Pengajaran dan Pembelajaran	75
2.6	Modul Pengajaran dan Pembelajaran dalam Pencapaian Pelajar	79
2.7	Teori Pembelajaran dalam Pembangunan Aplikasi	83
2.7.1	Teori Behaviorisme	84
2.7.2	Teori Kognitivisme	86
2.8	Rumusan	92

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pendahuluan	93
3.2	Konsep Pendekatan, Kaedah Dan Teknik	94
3.2.1	Pendekatan	95
3.2.2	Kaedah	96
3.2.3	Teknik	99

3.3	Reka Bentuk Kajian	101
3.4	Kaedah Kajian	103
3.4.1	Soal Selidik	103
3.4.2	Temu bual	103
3.4.3	Pemerhatian	104
3.4.4	Pustaka	105
3.5	Pendekatan Kajian Deduktif	105
3.5.1	Proses Pengajaran Deduktif	106
3.6	Strategi Pengajaran Terancang Berasaskan Pendekatan Deduktif	109
3.7	Kaedah Pengajaran Terancang	111
3.8	Teknik Pengajaran Terancang	114
3.9	Prosedur Kajian	119
3.9.1	Prosedur Pengajaran Terancang Menggunakan Peribahasa Berasaskan Pendekatan Deduktif	121
3.10	Kebolehpercayaan Instrumen	126
3.11	Responden Kajian	127
3.11.1	Teknik Persampelan	127
3.11.2	Lokasi Kajian	128
3.12	Pemboleh Ubah Kajian	129
3.13	Intrumen Kajian	130
3.13.1	Ujian Pra dan Ujian Pasca	130
3.13.2	Rawatan kajian	133
3.13.3	Pemerhatian	135
3.13.4	Temu Bual Berstruktur	135

3.14	Prosedur Pengumpulan Data	136
3.14.1	Teknik Ujian	136
3.14.2	Teknik Soal Selidik	137
3.14.3	Teknik Temu bual	137
3.14.4	Teknik Pemerhatian	137
3.15	Prosedur Penganalisan Data	138
3.15.1	Data Kuantitatif	138
3.15.2	Data Kualitatif	139
3.16	Rumusan	140

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	141
4.2	Dapatan Kajian Secara Keseluruhan	143
4.2.1	Maklumat Latar belakang Responden	143
4.2.2	Ujian Pra dan Ujian Pasca	144
4.3	Dapatan Kajian	146
4.3.1	Analisis Ujian Pra	146
4.3.2	Analisis Ujian Pasca	149
4.3.3	Analisis Ujian-t Kumpulan Kawalan	152
4.3.4	Analisis Ujian-t Kumpulan Eksperimen	154
4.4	Analisis Temu Bual Berstruktur Pelajar Kumpulan Eksperimen	155
4.4.1	Tahap Penguasaan Peribahasa Oleh Pelajar	156
4.4.2	Persamaan dan Perbezaan Pengajaran Peribahasa Mengikut Kaedah Pengajaran	162

4.5	Analisis Temu Bual Berstruktur Guru Kumpulan	
	Eksperimen	165
4.5.1	Keberkesanan Modul Pengajaran Terancang	
	Peribahasa	166
4.5.2	Cadangan Penambahbaikan Modul Pengajaran	
	Terancang Peribahasa	168
4.5.3	Saranan	169
4.6	Analisis Skor Tafsiran Guru Tentang Kumpulan	
	Eksperimen Terhadap Peribahasa	169
4.6.1	Tarikh dan Masa Pencerapan Modul	171
4.6.2	Skala dan Tafsiran Pencerapan Guru	172
	4.6.2.1 Simpulan Bahasa	174
	4.6.2.2 Perumpamaan	175
	4.6.2.3 Bidalan	176
	4.6.2.4 Pepatah	177
	4.6.2.5 Perbilangan	178
4.7	Rumusan	179

BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pendahuluan	180
5.2	Kesimpulan Penemuan Hasil Kajian	180
5.2.1	Dapatan Ujian Pra	181
5.2.2	Dapatan Ujian Pasca	183
5.2.3	Dapatan Temu bual	186
5.2.4	Dapatan Pemerhatian	190



5.3	Rumusan Dapatan Kajian	193
5.4	Implikasi Dapatan Kajian	195
5.4.1	Implikasi Terhadap Pelajar	196
5.4.2	Implikasi Terhadap Guru	197
5.4.3	Implikasi Terhadap Bidang Pendidikan	201
5.4.4	Implikasi Terhadap Pihak Kementerian Pelajaran Malaysia	203
5.4.5	Implikasi Terhadap Masyarakat	204
5.5	Cadangan Kajian Yang Selanjutnya	207
5.6	Kesimpulan	207

RUJUKAN

211



SENARAI JADUAL

Jadual	muka surat
2.1 Contoh Peribahasa	43
2.2 Nilai Estetika Dalam Peribahasa	44
2.3 Persamaan Maksud Peribahasa Antara Peribahasa Melayu Dengan Peribahasa Cina Yang Menggambarkan Sikap Manusia	52
3.1 Rangka Pembinaan Ujian Tatabahasa	124
4.1 Taburan Jantina Responden Mengikut Kumpulan	144
4.2 Markah Ujian Pra Kumpulan Kawalan Dan Kumpulan Eksperimen	147
4.3 Ujian-t Bagi Min Perbezaan Markah Ujian Pra Antara Kumpulan Kawalan Dan Kumpulan Eksperimen Dalam Ujian Pra	149
4.4 Markah Ujian Pasca Kumpulan Kawalan Dan Kumpulan Eksperimen	150
4.5 Ujian-t Bagi Min Perbezaan Markah Ujian Pasca Antara Kumpulan Kawalan Dan Kumpulan Eksperimen Dalam Ujian Pra	151
4.6 Ujian-t Pencapaian Pelajar Kumpulan Kawalan Dalam Ujian Pra Dan Ujian Pasca Selepas Pengajaran Peribahasa Secara Biasa Dilaksanakan	153
4.7 Ujian-t Pencapaian Pelajar Kumpulan Eksperimen Dalam Ujian Pra Dan Ujian Pasca Selepas Modul Pengajaran Terancang Yang Menggunakan Peribahasa Dilaksanakan	154
4.8 Bilangan Penguasaan Peribahasa	156
4.9 Sumber Pengetahuan Responden Berkaitan Peribahasa	159
4.10 Persamaan Dan Perbezaan Pengajaran Peribahasa Mengikut Hasil Instrumen	162



4.11	Skor Tafsiran Guru Terhadap Pencerapan Pengajaran Dan Pembelajaran Kumpulan Eksperimen	171
4.12	Tarikh Dan Masa Pencerapan Modul	172
4.13	Skala, Jumlah Skor Dan Tafsiran Pencerapan Guru Tentang Simpulan Bahasa	175
4.14	Skala, Jumlah Skor Dan Tafsiran Pencerapan Guru Tentang Perumpamaan	176
4.15	Skala, Jumlah Skor Dan Tafsiran Pencerapan Guru Tentang Bidalan	177
4.16	Skala, Jumlah Skor Dan Tafsiran Pencerapan Guru Tentang Pepatah	178
4.17	Skala, Jumlah Skor Dan Tafsiran Pencerapan Guru Tentang Perbilangan	179
5.1	Persamaan Dan Perbezaan Modul Pengajaran Terancang Dengan Pengajaran Biasa	187
5.2	Perbezaan Dan Persamaan Antara Teori Behaviorisme Dengan Teori Kognitif	209





SENARAI RAJAH

Rajah	muka surat
1.1 Pengajaran Terancang Program Bentuk Linear	15
1.2 Rajah Proses Kajian	22
2.1 Reka Bentuk Pengajaran Terancang Keeya	81
3.1 Perhubungan Antara Teori Pendekatan, Kaedah Dan Teknik	100
3.2 Model Proses Pengajaran Deduktif	107
3.3 Pemboleh Ubah Kajian	129
4.1 Bilangan Penguasaan Peribahasa	157
4.2 Responden Suka Mempelajari Modul Pengajaran Terancang Menggunakan Peribahasa	161





SENARAI LAMPIRAN

Lampiran	muka surat
A Ujian Pra / Ujian Pasca	221
B Markah Ujian Pra dan Ujian Pasca	226
C Instrumen Temu bual Berstruktur Pelajar	227
D Instrumen Temu bual Guru	238
E Instrumen Pencerapan Pengajaran dan Pembelajaran	241
F Pandangan Daripada Guru Cemerlang	261
G Surat-menyurat	278
H Lampiran SMS	297
I E-mail	302
J Borang Jadual Spesifikasi Ujian	310
K Analisis Data	312
L Simpulan Bahasa	316
M Perumpamaan	354
N Bidalan	392
O Pepatah	432
P Perbilangan	469





BAB 1

PENGENALAN



1.1 Pendahuluan

Masyarakat Melayu dahulu kaya dengan pelbagai bentuk bahasa kiasan dan kata-kata berbunga yang indah. Kata-kata tersebut diwarisi dari satu keturunan kepada satu keturunan yang lain. Ia merupakan warisan yang tidak terhingga nilainya kepada budaya masyarakat dewasa ini. Salah satu daripada budaya Melayu yang kekal hingga ke hari ini ialah peribahasa.

Penyebaran peribahasa dilakukan secara lisan dari satu generasi kepada satu generasi yang lain tetapi kini keadaan mula berubah. Peribahasa mula disebar dengan cara lebih terancang, iaitu dengan cara bertulis. Peribahasa terdapat dalam dua bentuk, iaitu prosa dan kalimat (Zalila Sharif dan Jamilah Ahmad, 1993).





Peribahasa sejenis puisi tidak terikat tetapi terdiri daripada sekurang-kurangnya dua larik serangkap dengan jumlah perkataan terdiri daripada empat, enam atau lebih perkataan dalam selarik. Terdapat peribahasa yang mempunyai rima dan ada juga yang tidak mempunyai rima. Setiap rangkap peribahasa dapat menyatakan satu keseluruhan idea. Peribahasa yang selarik tidak mempunyai unsur-unsur puitis, tidak digolongkan sebagai puisi walaupun, dikenali juga sebagai peribahasa (Zalila Sharif dan Jamilah Ahmad, 1993).

Sebagaimana yang dimaklumi oleh para pendidik yang mengajar bahasa Melayu di sekolah menengah, mata pelajaran bahasa Melayu merupakan mata pelajaran teras dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Sehubungan itu, pengetahuan peribahasa perlu dikuasai dengan baik oleh semua pelajar bagi memastikan pelajar berjaya dalam mata pelajaran bahasa Melayu terutama dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Walaupun, peribahasa merupakan sebahagian kecil daripada aspek tatabahasa namun, peranan peribahasa sangat dominan. Peribahasa terdapat dalam Kertas 2 bahasa Melayu 1103/2 Soalan 3(e) dengan enam skala markah keseluruhan. Peribahasa juga amat digemari oleh pengguna bahasa Melayu. Hampir setiap hasil karangan turut mengandungi peribahasa sama ada penggunaannya tepat atau menyimpang.

Mengikut sejarahnya, peribahasa ialah warisan kebudayaan Melayu lama yang diperturunkan dari satu generasi ke satu generasi secara lisan dalam perkembangannya juga banyak berlaku secara lisan. Lama-kelamaan peribahasa dikumpulkan dan dirakamkan dalam bentuk tradisi tulisan sebagai warisan budaya dalam bahasa Melayu.

Peribahasa merupakan susunan perkataan yang teratur, sedap didengar dan padat maknanya. Peribahasa sama ada jenis simpulan bahasa, pepatah, perumpamaan atau bidalan dibentuk atau dicipta oleh masyarakat Melayu berdasarkan pandangan, pengalaman dan perbandingan yang teliti terhadap alam sekeliling dan kejadian atau peristiwa yang berlaku dalam masyarakat. Seterusnya, peribahasa merupakan warisan kebudayaan Melayu, yang memainkan peranan penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu khasnya di sekolah.





Hal ini menunjukkan bahawa, peribahasa mempunyai kedudukan yang sama penting dengan aspek lain. Hal ini demikian kerana peribahasa berupaya untuk berkembang dan relevan dengan bahasa tersebut secara keseluruhannya. Dalam Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan Empat, pada bahagian Sistem Bahasa, perkara v, halaman xiv dinyatakan bahawa:

“Peribahasa perlu diajarkan dalam pendidikan bahasa Malaysia. Pemilihan peribahasa hendaklah mengutamakan falsafah, keperibadian dan nilai murni masyarakat Malaysia, dan hendaklah diajarkan dalam konteks.”

(Kementerian Pendidikan Malaysia, 2001)

Umumnya, pembelajaran adalah satu proses kompleks yang melibatkan dua pihak, iaitu pelajar dan juga persekitaran belajar. Di pihak pelajar perlu ada kesanggupan, motivasi dan keupayaan untuk belajar dalam keadaan persekitaran sosial dan akademik yang sesuai serta instruksi yang berkesan kepada pelajar. Namun, keadaan prasarana persekolahan yang serba lengkap pada hari ini, para pendidik yang terlatih masih belum menjamin pencapaian yang memuaskan dalam kalangan semua pelajar.

Sebagai pendidik, persoalan yang sering timbul dalam menjalankan tugas adalah wujudnya perbezaan dalam pencapaian pelajar. Sekumpulan pelajar yang didedahkan dengan strategi dan persekitaran pembelajaran yang sama tidak semestinya menghasilkan *output* yang sama dalam pembelajaran.

Hal ini demikian kerana faktor pelajar yang pelbagai. Tambahan pula, kepelbagaian ini berupaya mempengaruhi pencapaian. Oleh itu, banyak kajian telah dijalankan di bidang masalah pembelajaran bagi memahami keberkesanan sesuatu modul pengajaran dan sumbangannya terhadap pencapaian pelajar.





Dalam hal ini, pembelajaran dan penghayatan peribahasa bertujuan meningkatkan keupayaan berbahasa dalam kalangan pelajar. Kemahiran berbahasa ini pula diteliti dalam konteks kebolehan pelajar menggunakan peribahasa dalam aktiviti seharian dan penulisan. Hasil penulisan tentunya menjadi lebih indah dan bermutu sekiranya dimuatkan dengan peribahasa yang tepat dan sesuai.

1.2 Latar Belakang Kajian

Dalam pendidikan, terdapat usaha untuk menggunakan kaedah-kaedah pengajaran yang sesuai dalam meningkatkan pencapaian pelajar. Aspek ini boleh disesuaikan mengikut keadaan dan keperluan semasa yang telah disedari dan diamalkan dalam kebanyakan pendekatan pengajaran seperti pendekatan pembelajaran penguasaan, pendekatan pembelajaran terancang atau pendekatan pengajaran bermodul. Kemunculan pendekatan baru dalam pengajaran dan pembelajaran disebabkan oleh kelemahan pengajaran konvensional itu sendiri.



1.2.1 Kelemahan Pengajaran Konvensional

Merujuk kepada sistem pendidikan konvensional, kesemua pelajar terpaksa mengikuti sistem yang berlangsung tanpa mengambil kira sama ada mereka dapat mengikuti pelajaran tersebut. Cara pengajaran konvensional di Amerika Syarikat misalnya, memberi kuliah didapati tidak mendatangkan keputusan yang baik. Hal ini demikian kerana pelajar hanya duduk dan mendengar kuliah tersebut tanpa penyertaan yang menggalakkan.





Hal ini merupakan senario yang kerap berlaku dalam kuliah sarjana muda di universiti tempatan, khususnya Malaysia. Walaupun, terdapatnya usaha pensyarah untuk menggalakkan penyertaan pelajar namun, penyertaan yang diharapkan adalah kurang memuaskan. Namun, dengan wujudnya rangkaian maklumat yang membolehkan pelajar memberi pandangan, maklum balas secara rawak dan dengan cepat, penyertaan tersebut mempunyai kadar yang lebih tinggi (Ho Lip Wah, 2011).

Teknik konvensional merupakan penerangan guru berkaitan topik yang diajar. Pelajar menggunakan buku nota untuk menyalin isi-isi pelajaran berkaitan topik penulisan cerita. Secara konvensional, pengajaran peribahasa sering dijalankan dengan kaedah menghafal. Guru memberikan senarai peribahasa untuk dihafal oleh pelajar. Tahap kemahiran yang diuji hanyalah memadankan peribahasa dengan konteks yang sesuai. Kelemahan daripada penggunaan teknik pengajaran yang tidak sesuai turut mengekang keseluruhan pencapaian pelajar.

Menurut Abd. Aziz Abd. Talib (2007) pula, teknik pengajaran konvensional secara syarahan yang berpandukan buku teks, buku latihan topikal dan nota pensyarah masih menjadi amalan. Hal ini juga menyebabkan topik menjadi tidak menarik dan pelajar tidak dapat menumpukan perhatian kepada pengajaran penulisan.

Strategi pembelajaran merupakan satu cara untuk membantu seseorang berjaya menguasai sesuatu pelajaran. Dalam konteks pendidikan bahasa Melayu (BM), pelajar yang menggunakan pelbagai strategi pembelajaran bahasa dapat membantu mereka berjaya dalam pelajaran bahasa.





Kajian-kajian awal strategi pembelajaran bahasa dalam pendidikan BM seperti yang dijalankan oleh Abu Talib (1998), Mohd. Nazali (1999) dan Supian (2003) menunjukkan bahawa pelajar yang berjaya dalam pelajaran BM menggunakan pelbagai strategi pembelajaran bahasa yang berkaitan dengan strategi kognitif dan metakognitif. Mereka bukan sahaja cemerlang dalam mata pelajaran BM, bahkan juga mencapai keputusan yang cemerlang dalam kebanyakan mata pelajaran yang diambil semasa peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR).

Dapatan kajian mereka disokong oleh kajian-kajian yang dijalankan oleh Mohamed Amin, Mohd. Isa, Zamri dan Jamaludin (2002) dan Zamri, Mohamed Amin, Noriah dan Juriah (2002, 2003) yang mendapati bahawa kebanyakan pelajar, terutamanya pelajar cemerlang memperoleh pencapaian akademik BM jauh lebih baik berbanding pelajar lemah. Pelajar cemerlang menggunakan lebih banyak dan pelbagai strategi pembelajaran bahasa berbanding pelajar lemah.

Masalah kurang minat pelajar terhadap Kajian Tamadun Islam, barangkali mempunyai kaitan rapat dengan metodologi pengajaran yang dipakai selama ini. Hal ini merupakan suatu cabaran kepada pensyarah supaya mereka tidak hanya menyampaikan bahan pengajaran melalui kuliah atau perbincangan di tutorial dengan kaedah yang konvensional, iaitu hanya bergantung kepada syarahan yang dikemukakan oleh pensyarah tanpa melibatkan perbincangan secara aktif dengan pelajar. Keadaan ini mungkin menjadi salah satu faktor yang menimbulkan rasa kurang minat pelajar terhadap kursus Tamadun Islam.





Jelaslah bahawa teknik pengajaran yang menarik dan interaktif amat berkesan berbanding dengan teknik pengajaran konvensional. Hal ini dapat dilihat melalui dapatan kajian Abd. Aziz Abd. Talib (2007) teknik pengajaran konvensional secara syarahan yang berpandukan buku teks, buku latihan topikal dan nota guru masih menjadi amalan. Hal ini juga menyebabkan topik menjadi tidak menarik dan pelajar tidak dapat menumpukan perhatian kepada pengajaran penulisan.

Penggunaan perisian kursus pendidikan melalui aplikasi CD-ROM juga dapat membantu meningkatkan pengajaran guru dan menarik minat pelajar. Rio Sumarji Sharifuddin (1997) dalam kajiannya “Pengajaran dan Pembelajaran Sains Berbantuan Komputer” mendapati bahawa pembelajaran yang menggunakan kaedah perayauan (*exploratory*) dan penemuan lebih berjaya berbanding pelajar yang hanya didedahkan dengan kaedah konvensional. Hal ini berbeza dengan cara konvensional di mana kosnya lebih mahal untuk membeli buku, jurnal dan pelajar terpaksa menunggu masa dan giliran untuk meminjam buku untuk mendapatkan maklumat.

Kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam penggunaan kaedah konvensional ini menarik minat penyelidik untuk menggunakan Modul Pengajaran Terancang menggunakan peribahasa bagi melihat keberkesanan modul ini terhadap pencapaian pelajar. Selama ini, kaedah pengajaran yang diberikan oleh seorang pensyarah mahupun guru masih menggunakan pendekatan konvensional dengan kaedah pengajaran pengulangan.

Kaedah ini menyebabkan pendidikan dan penguasaan bahan-bahan yang diajar kurang maksima dan pelajar juga kurang kebolehan berfikir secara kritis. Demikian





penyataan yang disampaikan oleh Ketua Program Kajian (Kaprodi) Pendidikan Bahasa Inggeris Universiti Muhammadiyah Yogyakarta (UMY), Endro Dwi Hatmanto, MA dalam seminar 'Penguasaan Teori Konstruktivisme dalam Kaedah Pengajaran untuk Guru dan Pensyarah' di Kampus Bersepadu UMY Selasa (25/1) dalam <http://www.umi.ac.id/metode-pengajaran-konvensional-sebabkan-siswa-kurang-berpikir-kritis.html>.

Kaedah konvensional adalah kaedah di mana guru tidak melakukan penyaluran pengetahuan (*transfer of knowledge*) tetapi lebih kepada pengulangan. "Otak pelajar diminta untuk menghafal tetapi bukan menganalisis secara kritis," ceritanya. Kaedah pengajaran konvensional memposisikan guru sebagai pemilik ilmu atau pihak berkuasa pengetahuan. "Guru dianggap sebagai orang yang memberi ilmu atau pengetahuan. Sedangkan pelajar menjadi objek pasif, hanya sebagai penerima ilmu sehingga pelajar menjadi tidak kritis."

Pada konteks pengetahuan, ilmu yang diberikan juga bersifat sudah lama. Kaedah pengajarannya hanya berkaitan mendengar, mencatat dan menghafal teks. Pada masa penilaian biasanya hanya melalui ujian dengan soalan pilihan. Oleh itu, pelajar tidak mempunyai kebebasan untuk meluahkan buah fikiran berkaitan soalan yang diberikan dan pelajar tidak ada kaedah penilaian yang lain.

Beliau berpendapat bahawa perlunya kaedah pengajaran konstruktivisme. Ia menjelaskan kaedah konstruktivisme yang menitikberatkan peranan aktiviti dan pengalaman pembelajaran dalam membentuk proses pembelajaran. Kaedah pengajaran konstruktivisme memandang pelajar sebagai agen *knowledge schemata*





atau aset pengetahuan yang perlu dibangunkan. Sehingga guru berperanan sebagai fasilitator yang mendorong pelajar untuk lebih interaktif dalam sistem pengajaran.

Hal ini mendorong guru atau pensyarah untuk memberikan kaedah pengajaran *transfer of knowledge* dan memberikan pengajaran *learning by doing* atau belajar dengan melakukan sehingga pelajar menjadi manusia kritikal, reflektif, inventif atau produktif. Kaedah konvensional menempatkan pelajar hanya sebagai penerima. Kemudian berlaku pembelajaran dengan subjek yang aktif tetapi dalam kaedah konstruktivisme pelajar dapat berfikir aktif.

Dalam kaedah penilaiannya melalui banyak sumber tidak hanya melalui ujian. Boleh melalui pemerhatian yang dilakukan oleh pelajar, kegiatan-kegiatan di dalam kelas. Kelebihan kaedah konstruktivisme membolehkan pelajar mampu mengungkapkan soalan, menyelesaikan persoalan, dan berfikir kritis. Sedangkan untuk pensyarah dan guru membuatnya memberikan pengajaran, menulis dan berbicara secara konstruktif.

1.2.2 Latar Belakang Pengajaran Terancang

Pengajaran terancang adalah satu konsep yang diperkenalkan hanya dalam beberapa dekad yang lalu di Amerika Syarikat. Pengajaran terancang berbeza dengan pengajaran konvensional bukan kerana kesemua prinsip asasnya belum





pernah wujud, tetapi kerana ciri-cirinya yang membolehkan banyak prinsip penting dapat diamalkan oleh guru di bilik darjah.

Sebelum wujudnya pengajaran terancang lagi, prinsip-prinsip pengajaran berkenaan walaupun telah lama diakui tidak pernah atau jarang sekali diamalkan oleh guru di bilik darjah disebabkan bermacam-macam batasan (Koh Boh Boon, 1984). Berdasarkan keterangan yang dinyatakan di atas, penyelidik ingin menunjukkan perbezaan antara pengajaran tradisional dengan pengajaran terancang berdasarkan pendapat-pendapat tokoh berkaitan pengajaran terancang dalam tinjauan literatur.

Pengajaran konvensional merupakan prosedur pelaksanaannya secara umum, ciri-ciri pengajaran secara umum, prinsip-prinsip pengajaran mengikut kepelbagaian kebolehan pelajar, bahan-bahan pengajaran mengikut kesesuaian pelaksanaan pengajaran, pelajar-pelajar kurang aktif dan pengajaran sehalu dan pasif. Pengajaran terancang prosedur pelaksanaannya yang amat teratur dan empirik. Ciri kedua, isi pelajaran disusun dan disampaikan secara teratur langkah demi langkah supaya pelajar dapat mengikutinya secara mudah dan terbimbing. Ciri ketiga, setiap bahagian isi membentangkan sesuatu konsep atau generalisasi.

Ciri keempat, terdapat dua ciri pengajaran terancang pemerihalan dan penganalisisan yang teliti terhadap hasil pembelajaran yang dikehendaki dan penyusunan rapi secara berturutan terhadap isi kandungan serta perancangan, pengembangan dan pengawalan rapi atas perangsang dan persekitaran pengajaran





untuk memperoleh gerak balas yang terus dan jelas daripada pelajar di bawah keadaan yang membenarkannya mendapat pengesahan segera terhadap jawapan-jawapannya.

Ciri kelima, prinsip-prinsip pengajaran terancang mempunyai persamaan dengan pengajaran pemulihan. Ciri keenam, objektif-objektif bahan pengajaran dinyatakan secara khusus dan jelas dari segi kemahiran yang hendak dikuasai oleh pelajar. Akhir sekali, pelajar-pelajar bergerak balas dengan bahan pengajaran terancang secara aktif.

Kesan daripada kaedah pengajaran konvensional yang berbentuk kuliah dan penerangan oleh guru di dalam kelas dalam keadaan pelajar duduk menghadap papan putih turut dijelaskan oleh Azhar Ab. Wahab dan Noor Ida Ramli (1997). Kaedah pengajaran konvensional ini didapati perlu diubah.

Hal ini demikian kerana kaedah ini membuatkan pelajar-pelajar cepat bosan dan jangka masa tumpuan mereka terhadap perkara yang diajarkan menjadi pendek. Selain itu, pelajar tidak dapat mengingat dengan mudah apa yang diajar. Tambahan pula, kedudukan pelajar yang statik, tidak bergerak-gerak daripada kerusi mereka menjadikan kelas bersifat *teacher oriented*. Keadaan ini membuatkan pelajar tidak melibatkan diri secara aktif dan menyeluruh di dalam kelas.

Hal ini disokong oleh Jais Sahok dan Mat Nor Husin (1990) para guru jarang mengamalkan pengajaran terancang itu, walaupun keupayaan dan keberkesanannya telah diikuti. Guru memberikan berbagai-bagai alasan untuk tidak melaksanakannya di sekolah. Keadaan bilik darjah dan sekolah itu sendiri juga secara tidak langsung





menjadi batasan kepada pelaksanaan pengajaran terancang itu. Di Malaysia, kajian dalam bidang ini telah dijalankan oleh Koh Boh Boon untuk pelajar bahasa pada tahun 1978 dan 1981.

Banyak ahli dalam bidang pendidikan telah menghasilkan pengajaran terancang. Sebagai contoh di negara Barat, iaitu Skinner, Collins, Gibbon, dan Keeya manakala Koh Boh Boon telah melakukan percubaan bagi pengajaran terancang di Malaysia. Mesin mengajar pada awalnya direka oleh Sidney L. Pressey. Selepas Pressey, B. F. Skinner dari Universiti Harvard mencipta mesin mengajar yang baru dalam tahun 1960-an. Mesin mengajar ialah satu alat yang digunakan untuk mengemukakan soalan-soalan dalam susunan yang ditetapkan dan menyediakan jawapan dan keputusannya dengan segera kepada pelajar. Hal ini merujuk pernyataan



Rahil Mahyuddin, Habibah Elias dan Kamariah Abu Bakar (1997: 42).

Mesin itu menggunakan prinsip-prinsip pelaziman operan. Mesin tersebut mengemukakan kenyataan-kenyataan yang tidak lengkap kepada pelajar yang mengisikan tempat kosong itu. Selepas itu, pelajar menggerakkan suatu alat untuk mendedahkan jawapan dan sekiranya jawapan pelajar didapati betul, ia menggerakkan satu lagi alat untuk mengemukakan soalan baru (Ee Ah Meng, 1988).

Skinner telah memperkenalkan kaedah pengajaran terancang dalam kerangka Rangsangan-Tindak balas atau *Stimulus-Respons*. Menurut beliau, setiap rangsangan yang diberi ke atas seseorang menyebabkan orang tersebut menghasilkan tindak balas ke atas rangsangan yang diberi. Beliau berpendapat bahawa pembelajaran sebenar boleh berlaku dalam kerangka Rangsangan-Tindak balas.





Dengan itu, guru yang mengajar seharusnya memberi sebanyak mungkin rangsangan kepada pelajar agar pelajar memberikan tindak balas ke atas rangsangan-rangsangan yang diberikan. Sekiranya hal ini dapat dilakukan, pembelajaran berlaku dalam kalangan pelajar tersebut ([http://216,109,125,130/search/cache?p=pengajaran terancang](http://216,109,125,130/search/cache?p=pengajaran+terancang) 18.08.2006).

Pengajaran terancang merupakan kaedah pengajaran yang boleh disampaikan melalui buku ataupun mesin pengajar. Sukatan pelajaran sesuatu mata pelajaran dicerakinkan kepada unit-unit yang kecil yang hanya ada satu konsep. Unit-unit itu disusun dari aras yang mudah kepada aras yang susah. Sekiranya buku pengajaran terancang digunakan, pelajar membaca setiap soalan dan mencatatkan jawapan di



tempat yang ditentukan.

Selepas itu, pelajar membandingkan jawapannya dengan jawapan yang disediakan di sebelah tepi halaman yang sama. Dengan cara ini, pelajar dapat maklumat balik dengan serta-merta mengenai prestasinya dan pengajaran terancang ini memberikan peneguhan kepada pelajar itu (Ee Ah Meng, 1988). Ciri-ciri luar biasa pengajaran terancang ialah prosedurnya yang amat teratur dan empirik dan cara ini telah menyerap ke dalamnya banyak kekuatan yang diperoleh daripada usaha-usaha untuk memperbaiki pengajaran masa lalu (Lange dalam Koh Boh Boon, 1984).

Abdul Hamid Mahmood dan Ali Mahmood (1997) berpendapat bahawa dalam pengajaran terancang, penilaian formatif boleh dilakukan sejak langkah awal





hinggalah langkah penutup pengajaran. Penilaian semakin diperlukan kerana seseorang guru dapat membuat pentafsiran sendiri terhadap pengajaran mereka. Oleh itu, guru berkenaan dapat mengenal pasti kelemahan dan kekuatan dirinya sendiri dalam proses penyampaian ilmu. Di samping itu, guru tersebut dapat mengesan tahap penguasaan sesuatu kemahiran dalam kalangan pelajar.

Ee Ah Meng (1988) pengajaran terancang merupakan satu kaedah pengajaran yang boleh disampaikan melalui buku atau mesin pengajar. Sukatan pelajaran sesuatu mata pelajaran dipecahkan kepada unit-unit yang kecil yang hanya ada satu konsep. Unit-unit itu disusun dari aras yang mudah kepada aras yang susah. Sekiranya buku pengajaran terancang digunakan, pelajar akan membaca setiap soalan dan mencatatkan jawapan di tempat yang ditentukan. Selepas itu, pelajar akan membandingkan jawapannya dengan jawapan yang disediakan di sebelah tepi pada halaman yang sama.

Dengan cara ini, pelajar akan dapat maklumat balik dengan serta-merta mengenai prestasinya dan hal itu akan memberikan peneguhan kepada pelajar itu. Program bentuk linear yang dipilih untuk membentuk pembinaan Modul Pengajaran Terancang ini. Program bentuk linear merupakan satu program di mana pembentukan sesuatu topik berdasarkan kepada konsep yang dipelajari lebih awal lagi. Rajah 1.1 menunjukkan satu program linear. Setiap bulatan mewakili satu petak. Pelajar akan mara dari petak 1 ke petak yang akhir sehingga menyelesaikan sesuatu program itu. Sebahagian besar program linear atau program lurus itu menggunakan tindak balas yang diisikan.





Rajah 1.1. Pengajaran Terancang Program Bentuk Linear. Diperoleh daripada Ee Ah Meng (1988: 141).

Kerangka ini bertujuan untuk mendedahkan pelajar kepada kandungan mata pelajaran secara berperingkat. Pastikan pelajar membuat tindak balas untuk setiap kerangka dan juga menerima maklum balas dengan segera. Soalan-soalan yang diberikan kepada pelajar sebagai kerja rumah hendaklah disusun tahap kesukarannya. Hal ini jelas menunjukkan bahawa pemberian kerja rumah kepada pelajar sebagai satu strategi pembelajaran menepati ciri-ciri dalam Teori Tingkah Laku.

1.3 Pernyataan Masalah

Beberapa kajian terhadap peribahasa telah dilakukan oleh penyelidik-penyelidik sebelum ini, sungguhpun peribahasa Melayu dianggap penting dalam aspek kemahiran berbahasa tetapi aspek ini kurang dititikberatkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di sekolah. Anggapan bahawa peribahasa merupakan, bahasa klise atau milik sastera lama, tidak memahami peribahasa dengan baik, peribahasa sukar diingat atau dihafaz dan pengajaran peribahasa membosankan menyebabkan peribahasa kurang dititikberatkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.



Pengajaran peribahasa Melayu di sekolah menengah lebih cenderung berpusat kepada guru, iaitu dengan guru memberikan penjelasan maksud peribahasa yang hendak diajarkan dan pelajar-pelajar hanya terlibat secara pasif sebagai penerima maklumat kesan daripada pengajaran seperti ini. Natijah daripada pengajaran guru bahasa seperti ini ialah pelajar tidak faham erti peribahasa yang telah diajar dengan sebenar-benarnya dan pelajar cenderung menghafal maksud peribahasa berkenaan.

Rentetan hal ini, penguasaan peribahasa Melayu dalam kalangan pelajar di sekolah menengah khususnya menimbulkan masalah dalam kalangan guru-guru bahasa Melayu kerana pelajar-pelajar tidak berminat dengan peribahasa Melayu.

Oleh itu, Koh Boh Boon (1982) pengajaran peribahasa dan simpulan bahasa yang berkesan di peringkat sekolah sewajarnya melibatkan pengamatan pertalian antara benda-benda yang dibandingkan, penyimpulan erti simbolik (tersembunyi) dan penilaian ketepatan perumpamaan dalam konteksnya.

Pemasalahan utama yang dapat dikesan oleh penyelidik berdasarkan pengalaman penyelidik selama lapan tahun mengajar pelajar-pelajar menengah atas ialah pelajar-pelajar berasa keliru dengan kelainan antara peribahasa dengan maksud peribahasa dalam kalangan pelajar di sekolah menengah. Seterusnya, pelajar-pelajar turut mengalami kesukaran untuk mengaitkan peribahasa yang menggunakan sumber alam dan realiti kehidupan manusia dengan maksud peribahasa.

Oleh itu, penyelidik berpendapat bahawa melalui pelaksanaan Modul Pengajaran Terancang yang menggunakan peribahasa diharapkan pemasalahan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar ini dapat diatasi oleh para guru dengan cara memberikan penjelasan kepada pelajar-pelajar konsep penciptaan peribahasa dan perkaitan peribahasa dengan alam.





Hal ini disokong melalui kajian Suzie Goh bertajuk Penggunaan Peribahasa Melayu Pelajar Menengah terhadap 30 orang pelajar tingkatan 4 di salah sebuah sekolah menengah di Kepong. Kajian ini mendapati bahawa penguasaan peribahasa Melayu dalam kalangan pelajar tingkatan 4 masih pada tahap yang rendah. Suzie Goh (1998) menyatakan bahawa dua ujian yang telah dijalankan membuktikan bahawa ada pelajar-pelajar yang tahu serba sedikit peribahasa Melayu tetapi masih tidak mampu untuk menggunakannya dalam kehidupan harian mereka. Antara faktor yang menyebabkan penguasaan pelajar-pelajar dalam peribahasa Melayu pada tahap yang tidak memuaskan yang diperoleh melalui kajian tersebut ialah pelajar-pelajar tidak tahu menggunakan peribahasa dalam konteks yang betul dan sesuai dan pelajar-pelajar tidak dapat memahami peribahasa yang mempunyai banyak tafsiran dan kadang-kadang ada banyak peribahasa untuk menggambarkan satu maksud.

Mengikut tafsiran sekarang, peribahasa bukanlah untuk dihafal tetapi untuk digunakan secara yang semaksima mungkin dan harus digabungkan dalam berbagai situasi penggunaan. Pada masa dahulu, seseorang murid itu dikehendaki menghafal peribahasa dan maknanya sekali secara spontan, fenomena seperti itu tidak diperlukan lagi. Kebolehan tersebut bukanlah satu "kemahiran hidup" yang kita perlukan pada masa ini.





1.4 Tujuan Dan Objektif Kajian

Tujuan kajian untuk melihat aplikasi penggunaan modul pengajaran terancang secara deduktif dalam pencapaian peribahasa pelajar. Kajian ini diuji ke atas responden tingkatan 4, dari sebuah sekolah di Pulau Pinang yang diajar berdasarkan pendekatan deduktif dalam Modul Pengajaran Terancang yang menggunakan peribahasa. Secara khususnya, objektif kajian seperti berikut:

- (i) Untuk melihat kesesuaian Modul Pengajaran Terancang Menggunakan Peribahasa Berasaskan Pendekatan Deduktif terhadap pelajar-pelajar tingkatan 4 di sekolah menengah.
- (ii) Untuk melihat keberkesanan Modul Pengajaran Terancang secara deduktif dalam pencapaian peribahasa pelajar sebelum dan selepas penggunaan Modul.
- (iii) Untuk melihat penguasaan peribahasa oleh pelajar.
- (iv) Untuk melihat persamaan dan perbezaan pengajaran peribahasa mengikut kaedah pengajaran.
- (v) Untuk melihat skor tafsiran guru mengenai kumpulan eksperimen terhadap peribahasa.



1.5 Soalan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menjawab soalan-soalan kajian yang berikut:

- (i) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara min markah ujian pra antara kumpulan eksperimen dan kawalan?
- (ii) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara min prestasi pemahaman peribahasa antara kumpulan eksperimen dan kawalan pada ujian pasca?
- (iii) Adakah terdapat perbezaan dari segi pencapaian pelajar kumpulan kawalan dalam ujian pra dan ujian pasca selepas pengajaran peribahasa secara biasa dilaksanakan?
- (iv) Adakah terdapat perbezaan dari segi pelajar kumpulan eksperimen dalam ujian pra dan ujian pasca terhadap Modul Pengajaran Terancang yang menggunakan peribahasa dilaksanakan?
- (v) Apakah tahap penguasaan peribahasa oleh pelajar?
- (vi) Apakah persamaan dan perbezaan pengajaran peribahasa mengikut kaedah pengajaran?
- (vii) Mengenal pasti keberkesanan Modul Pengajaran Terancang Peribahasa.
- (viii) Apakah skor tafsiran guru mengenai kumpulan eksperimen terhadap peribahasa?





1.6 Hipotesis Nol

Hipotesis nol untuk kajian ini adalah seperti berikut:

- (i) Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara min markah ujian pra antara kumpulan eksperimen dan kawalan.
- (ii) Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara min prestasi pemahaman peribahasa antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan pada ujian pasca.
- (iii) Tidak terdapat perbezaan dari segi pencapaian pelajar kumpulan kawalan dalam ujian pra dan ujian pasca selepas pengajaran peribahasa secara biasa dilaksanakan.
- (iv) Tidak terdapat perbezaan dari segi pelajar kumpulan eksperimen dalam ujian pra dan ujian pasca bagi Modul Pengajaran Terancang yang Menggunakan Peribahasa dilaksanakan.

1.7 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka kerja konseptual bagi kajian ini (Rajah 1.2) menunjukkan perkaitan antara kesan Modul Pengajaran Terancang sebagai pemboleh ubah bebas dan pencapaian pelajar sebagai pemboleh ubah bersandar. Kajian yang dijalankan dalam bentuk ciri-






ciri pembelajaran yang berstrukturkan di dalam kelas bahasa Melayu berdasarkan pendidikan peribahasa yang terlibat di dalam kajian.

Kajian ini melibatkan dua kumpulan, iaitu kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan. Kumpulan ini ditempatkan di dalam kelas yang berlainan. Kumpulan eksperimen didedahkan kepada pengajaran terancang menggunakan peribahasa manakala kumpulan kawalan tidak diberi sebarang rawatan. Ujian pra diberikan untuk melihat kebolehan mereka sebelum proses rawatan dapat diketengahkan. Proses rawatan untuk kumpulan eksperimen memakan masa selama 20 minggu berdasarkan Modul Pengajaran Terancang Menggunakan Peribahasa Berasaskan Pendekatan Deduktif.



Selepas tamat tempoh rawatan, ujian pasca diberikan untuk melihat keberkesanan Modul Pengajaran Terancang Menggunakan Peribahasa Berasaskan Pendekatan Deduktif terhadap kumpulan eksperimen. Akhirnya, keberkesanan Modul Pengajaran Terancang dapat dinilai melalui pencapaian pelajar dalam peribahasa. Kajian ini telah menggunakan kaedah eksperimen yang didasarkan pada reka bentuk kuasi-eksperimen seperti di Rajah 1.2.





Rajah 1.2. Rajah Proses Kajian. Diubahsuai daripada Chua Yan Piaw (2006).





1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting dan berguna kepada Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) kerana hasil kajian ini dapat dijadikan panduan kepada pihak KPM, khususnya dalam menggubal kurikulum sekolah menengah dengan menitikberatkan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran peribahasa bahasa Melayu dengan menggunakan Modul Pengajaran Terancang.

Selain itu, hasil kajian ini juga penting dan berguna kepada Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) kerana hasil kajian ini dapat mencetuskan idea baharu kepada pihak PPK untuk memperbanyak buku-buku panduan berkaitan pelaksanaan Modul Pengajaran Terancang Menggunakan Peribahasa Bahasa Melayu, khususnya di sekolah menengah.

Seterusnya, hasil kajian ini juga berguna bagi guru-guru bahasa Melayu kerana hasil kajian ini dapat memberi input kepada peranan mereka untuk membaharui strategi pengajaran dan pembelajaran peribahasa bahasa Melayu dengan menggunakan Modul Pengajaran Terancang.

Selain itu, hasil kajian ini boleh dijadikan sebagai panduan bagi para penulis buku peribahasa bahasa Melayu untuk mengemaskinikan buku peribahasa yang sedia ada dengan lebih tepat, padat dan bermutu, terutamanya penghasilan Modul Pengajaran Terancang Menggunakan Peribahasa.





Di samping itu, hasil kajian ini berguna kepada para pelajar untuk memahami falsafah, keperibadian dan nilai murni masyarakat Malaysia sebagaimana yang disarankan dalam Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah Bahasa Melayu.

1.9 Batasan Kajian

Kajian ini menggunakan 66 orang pelajar tingkatan 4 dari sebuah sekolah di Pulau Pinang. Pelajar-pelajar tingkatan 4 ini dikelompokkan kepada dua kumpulan, iaitu kumpulan eksperimen (33 orang), yang dirawat dengan Modul Pengajaran Terancang Menggunakan Peribahasa dan kumpulan kawalan (33 orang), yang tidak menerima sebarang rawatan. Jenis-jenis peribahasa yang dikaji hanya terdiri daripada simpulan bahasa, perumpamaan, bidalan, pepatah dan perbilangan.

Justifikasi pertama jenis peribahasa yang dipilih berdasarkan saranan yang terdapat dalam Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah Bahasa Melayu (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2001) peribahasa merangkumi simpulan bahasa, perumpamaan, pepatah, bidalan, perbilangan dan kata hikmat yang perlu diajarkan dalam pendidikan bahasa Melayu.

Justifikasi kedua pemilihan jenis peribahasa sebagaimana saranan yang terdapat dalam Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah Bahasa Melayu, (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2001) pemilihan peribahasa hendaklah





mengutamakan falsafah, keperibadian dan nilai murni masyarakat Malaysia. Kata hikmat tidak digunakan dalam Modul Pengajaran Terancang Menggunakan Peribahasa kerana kata-kata hikmat lebih sesuai digunakan dalam aktiviti lisan sebagai sandaran hujah dalam pertuturan dan penulisan di peringkat pendidikan yang lebih tinggi (Rubiah Aksah, 2005). Hal ini turut disokong oleh Awang Sariyan (2004) nilai murni dapat membentuk dimensi pembinaan sahsiah.

Justifikasi ketiga, pemilihan peribahasa berfokus berdasarkan Marohaini binti Yusoff, Mahzan bin Arshad dan Abdul Jalil bin Othman (2004) buku teks bahasa Melayu Tingkatan 4, Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah. Terdapat peribahasa berfokus yang dipilih oleh penyelidik, iaitu **berat sama dipikul, ringan sama dijinjing** (muka surat 10) **yang berat sama dipikul, yang ringan sama dijinjing** (muka surat 166) Selain itu, terdapat peribahasa lain yang membawa maksud yang sama dengan peribahasa berfokus, iaitu **kais pagi makan pagi, kais petang makan petang** (muka surat 261) untuk peribahasa berfokus, iaitu **ibarat ayam tiada mengais tiada makan** manakala **seperti lembu dicucuk hidung** (muka surat 166) untuk peribahasa berfokus, iaitu **seperti lalang ditiup angin**.

1.10 Definisi Operasional

Istilah dan konsep yang memerlukan definisi dalam tesis ini ialah peribahasa dan pengajaran terancang yang dipaparkan seperti berikut:



1.10.1 Modul

Modul ialah sesuatu yang mampu menjadi bahan perantaraan kepada pelajar khususnya dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang terancang (Norijah, 1997). Terdapat dua modul, iaitu modul pengajaran dan modul pembelajaran. Modul pembelajaran adalah panduan pembelajaran sendiri yang mana penggunaannya merasakan ada peluang untuk maju dengan belajar sendiri (Shaharom Noordin, 1994).

Modul pengajaran pula adalah modul yang direka khas untuk membolehkan guru mengajar dengan lebih berkesan. Modul pengajaran guru merupakan bahan pengajaran yang dilengkapi dengan isi kandungan mata pelajaran khusus kepada sesuatu topik. Modul mengandungi strategi-strategi, tindakan-tindakan dan gerak kerja yang boleh diselenggarakan oleh guru bersama-sama penilaian isi kandungan mata pelajaran tersebut (Norijah Mohamad, 1997).

Menurut Abdul Rahim (1996) modul ialah Teks Yang Mengajar. Teks pengajaran ini boleh memberi penerangan, membuat rujukan dan membimbing seseorang pembaca. Modul juga adalah sebagai reka bentuk pengajaran yang sistematik, menyeluruh bagi merancang, memperkembang, melaksanakan dan menilai pengajaran serta bahan yang digunakan.



1.10.2 Pengajaran Terancang

Gibbon (1971) mendefinisikan pengajaran terancang sebagai satu jenis pengajaran perseorangan, iaitu guru mengadakan pengajaran kepada pelajar-pelajar secara perseorangan dan mempunyai kawalan aktif dan tidak langsung ke atas kegiatan pelajar manakala Abdul Hamid Mahmood dan Ali Mahmood (1997) pengajaran terancang ialah satu teknik penyampaian pelajaran yang tersusun dan berkesan.

Rahil Mahyuddin, Habibah Elias dan Kamariah Abu Bakar (1997) pengajaran terancang merupakan teknik mengajar yang membolehkan pelajar belajar mengikut keupayaan masing-masing. Dalam kaedah terancang, soalan-soalan susulan diatur mengikut langkah-langkah kecil daripada yang mudah kepada yang kompleks. Sekiranya pelajar tidak dapat menjawab sesuatu soalan, soalan itu diulang. Pengajaran terancang sekarang merujuk kepada sebarang persembahan yang berturutan, sama ada dalam bentuk mesin mengajar, buku, kuliah, filem, televisyen atau komputer.

Konklusinya, pengajaran terancang merupakan teknik penyampaian pelajaran yang terancang, tersusun dan mengikut keupayaan pelajar. Selain itu, pengajaran terancang ini boleh diadakan secara perseorangan dengan tujuan pemulihan dalam penguasaan bahasa.



1.10.3 Pendekatan Deduktif

Pendekatan Deduktif ditakrifkan sebagai sesuatu pendekatan mengajar yang bermula daripada suatu atau beberapa rumus, prinsip, hukum, teorem atau peraturan diikuti dengan aplikasinya ke atas contoh-contoh yang dikhususkan. Pendekatan ini juga digunakan untuk mendapatkan kesimpulan atau generalisasi yang baru daripada rumus, prinsip, hukum, atau teorem yang diketahui.

Kaedah deduktif berlandaskan pendekatannya merupakan kaedah mengajar yang kompleks kerana ia memerlukan pelajar-pelajar memperoleh kefahaman yang komprehensif dan pengetahuan yang lengkap serta berupaya memilih rumus, prinsip, hukum, teorem atau peraturan yang telah dipelajari dengan tepat untuk diaplikasikannya dalam contoh-contoh yang khusus.

1.10.4 Pencapaian

Pencapaian bermaksud kemampuan dan kebolehan pelajar-pelajar menerima dan menguasai pelajaran yang dipelajari di sekolah. Dengan kata lain, pencapaian juga dapat ditakrifkan sebagai kejayaan yang diperoleh oleh para pelajar dalam peperiksaan yang diadakan di sekolah sama ada cemerlang, sederhana atau lemah.



1.10.5 Pelajar

Pelajar merujuk kepada sesiapa yang sedang atau dalam keadaan belajar. Dalam kajian ini, pelajar merujuk kepada pelajar tingkatan 4 dari sebuah sekolah di Pulau Pinang.

1.10.6 Peribahasa

Berdasarkan definisi Za'ba (1965) dalam buku Ilmu Mengarang Melayu peribahasa itu segala susunan cakap yang pendek yang telah melekat di mulut orang ramai semenjak beberapa lama, oleh sebab sedap dan bijak perkataannya, luas dan benar tujuannya dipakai akan dia jadi sebutan oleh orang sebagai bandingan, teladan, dan pengajaran.

Peribahasa juga dikatakan bidalan, pepatah, perbilangan dan perumpamaan kerana tiap-tiap satu ini cakap yang mengandungi segala sifat-sifat peribahasa yang telah disentuh itu. Definisi ini menekankan beberapa ciri utama yang menjadikan peribahasa sebagai lambang ketinggian bahasa masyarakat Melayu tradisional, iaitu sekumpulan perkataan yang pendek, padat dan tepat serta sedap pula didengar. Namun, yang lebih utama ialah kebijaksanaan isinya.

Dalam bukunya Ilmu Mengarang Melayu, Za'ba menyatakan bahawa pepatah jika dibandingkan dengan bidalan dan perumpamaan, perbezaannya ialah pepatah





lebih memberatkan sifat ringkasnya, bijak perkataannya dan benar pengajarannya. Hal ini turut dijelaskan oleh penulis lain, Rubiah Aksah *et al.*(2005).

Perbilangan ialah seakan-akan bidalan dan pepatah juga hanya lainnya berperenggan dua, tiga atau lebih; disebut lepas satu, satu seperti orang membilang dan isinya kebanyakan sudah jadi seperti undang-undang yang tetap. Apa yang dimaksudkan oleh Za'ba sebagai 'undang-undang yang tetap' itu menepati konsep perbilangan yang mengandungi undang-undang adat. Takrifan perbilangan turut diperkatakan oleh Alwi Salim *et al.* (1983).

Za'ba mentakrifkan perumpamaan sebagai peribahasa yang mengumpamakan atau membandingkan keadaan sesuatu tingkah laku manusia dengan 'alam sejadatnya'. Biasanya, perumpamaan menggunakan perkataan-perkataan perbandingan, iaitu seperti, sebagai, seumpama, bagai, laksana, penaka, sepantun, bak dan umpama di permulaan sesuatu peribahasa.

Menurut H. Tenas Effendy dalam Mohd Gani Ahmad (2003), "peribahasa mencerminkan kehalusan budi pekerti Melayu, yang selalu menyatakan sesuatu dengan bahasa yang singkat tetapi mengandungi makna yang dalam. Peribahasa juga mencerminkan akal budi Melayu yang santun, yang berusaha untuk menyatakan sesuatu melalui kata-kata yang sopan, halus dan terpuji." Peribahasa juga mencerminkan kearifan bangsa Melayu, yang berusaha menyampaikan sesuatu dengan halus dan arif, sehingga tidak menyinggung perasaan atau tidak melukai perasaan orang lain (Mohd Gani Ahmad, 2003).





Poerwadarminta (1976) peribahasa merupakan kalimat atau kelompok perkataan yang tetap susunannya dan biasanya mengiaskan suatu maksud tertentu. Peribahasa ini mengandung bidalan dan perumpamaan.

Harimurti Kridalaksana (1983) peribahasa merupakan kalimat atau penggalan kalimat yang telah membeku bentuk, makna dan fungsinya dalam masyarakat, bersifat turun-temurun, dipergunakan untuk penghias karangan atau percakapan, penguat maksud karangan, pemberi nasihat, pengajaran atau pedoman hidup; mencakup bidalan, pepatah, perumpamaan ibarat, pemeo. Pemeo ialah semboyan yang terjadi daripada peribahasa; peribahasa yang dijadikan semboyan misalnya, **Esa hilang, dua terbilang** (Harimurti Kridalaksana (1983).



Daniel Jebon Jenaun (2001) peribahasa Melayu merupakan istilah generik untuk bidalan, pepatah, perumpamaan, perbilangan dan simpulan bahasa. Seterusnya, Sapinah Said (2004) peribahasa merupakan ayat atau sekumpulan kata yang tersusun dan mengandung makna atau pengertian yang tertentu. Susunan katanya pendek tetapi menepati makna yang ingin disampaikan. Susunan kata yang sedap didengari, bijak dan tepat pengertiannya ini telah menjadi pengucapan orang ramai sejak turun temurun.





1.11 Rumusan

Secara keseluruhannya, bab ini menjelaskan tentang latar belakang peribahasa dan pengajaran terancang kepada permasalahan kajian, iaitu imbasan perkembangan peribahasa dalam konteks pendidikan untuk melihat penggunaan peribahasa dalam pengajaran terancang. Definisi peribahasa dan pengajaran terancang turut dijelaskan. Bab ini turut menyentuh pernyataan masalah, objektif kajian, soalan kajian, hipotesis kajian, kepentingan kajian, skop kajian dan definisi operasional.

